

Lihat gambar dan baca ayat dengan teliti, kemudian padankan perenggan dengan gambar yang sesuai.

BUKU AKTIVITI MUKA SURAT 33



Seha dan rakannya tidak membuang sampah sesuka hati. Mereka akan menyimpan pembungkus roti yang telah dimakan di dalam poket. Mereka akan membuang pembungkus itu ke dalam tong sampah.




Kelas Seha bersih dan ceria. Tiada sampah di atas lantai. Keadaan kelas yang bersih membuatkan Seha dan rakan-rakannya belajar dengan selesa.



Pensel Seha telah tumpul. Dia mengasah penselnya dan meletakkan habuk pensel di dalam bekas khas. Dia tidak mahu mengotorkan lantai di dalam bilik darjahnya.

BUKU AKTIVITI MUKA SURAT 36



Rizan dan rakan-rakannya membawa barang-barang kitar semula dari rumah masing-masing. Mereka mengasingkan barang-barang itu mengikut jenis.



Mereka Menyusun barang-barang yang telah diasingkan dengan kemasnya di dalam kotak yang berlabel.



Mereka menyediakan dua kotak besar. Mereka melabelkan kedua-dua kotak sebagai kotak kuning dan kotak biru. Kotak biru dikhususkan untuk menyimpan kertas, surat khabar dan botol-botol plastik. Kotak kuning pula untuk menyimpan pakaian, kasut dan stoking.



Apabila kotak itu penuh, Cikgu Azmi menghubungi syarikat pemborong barangan kitar semula. Mereka menjual barangan yang dikumpul itu kepada syarikat berkenaan. Hasil yang diperolehi dimasukkan ke dalam tabung kelas.